

15 OCT 2003

Politik-Berundur (Reaksi)

ANGGOTA DEWAN RAKYAT PERLU BERKALIBER DAN POPULAR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Wakil Dewan Rakyat perlu terdiri daripada golongan yang berkaliiber dan popular tanpa mengira usia bagi memastikan mereka dapat membentuk barisan kepimpinan yang utuh dalam membangunkan negara, kata beberapa tokoh politik di sini hari ini.

Speaker Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail berkata, banyak aspek perlu dipertimbangkan dan tidak bermakna seseorang itu sudah menjadi veteran maka dia tidak boleh lagi berkhidmat untuk rakyat.

Selain itu, populariti juga turut mempengaruhi kedudukan seseorang pemimpin kerana "tidak ada gunanya kalau dia pandai macam mana sekali pun, tetapi tidak popular di kalangan rakyat," kata Mohamed Zahir, yang pernah menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri dan juga anggota Parlimen dalam tahun 1950an dan 1960an.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ahli-ahli politik veteran Barisan Nasional (BN) mengundurkan diri dan memberi peluang kepada muka baru semasa ditemu bual Bernama semalam.

Bekas Hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat sejak Jun, 1982, berkata bagaimanapun adalah elok jika muka baru diberi peluang untuk menerajui tampuk kepimpinan negara.

Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak Tan Sri Dr Sulaiman Daud berkata, ia merupakan satu nasihat yang "adil" kepada semua veteran.

Dr Sulaiman, yang telah dipilih sebagai wakil rakyat sejak tahun 1973, berkata dalam BN terdapat ramai muka baru yang mempunyai potensi untuk menjadi wakil rakyat yang baik, bagaimanapun golongan tersebut perlu jujur dalam niatnya memasuki politik.

"Menjadi seorang wakil rakyat bukannya senang...kita ada tanggungjawab yang berat kerana kita diamanahkan oleh rakyat untuk memikul tanggungjawab itu," kata anggota Parlimen Petra Jaya itu.

Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M. Kayveas pula berkata, arena politik Malaysia perlukan perubahan dengan menampilkan generasi baru untuk menerajui kepimpinan negara.

Bagaimanapun khidmat golongan veteran masih diperlukan daripada segi memberi nasihat dan pandangan kepada parti, katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata, golongan veteran perlu memberi peluang kepada generasi baru kerana golongan ini terlalu "sekan" untuk mencabar golongan veteran disebabkan ada rasa hormat.

Sementara itu, antara wakil rakyat BN yang termuda Datuk Shaziman Abu Mansor, 39, berkata sekiranya anggota veteran itu masih boleh memberi khidmat dan mempunyai prestasi yang baik, adalah lebih elok bagi mereka kekal memimpin.

Ketua Bahagian Umno Tampin, Negeri Sembilan itu berkata jika sekiranya mereka tidak berupaya lagi kerana sudah "keletihan" maka mereka patut menimbangkan untuk berundur.

Di KUCHING, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr George Chan berkata, ahli veteran BN yang masih lagi mendapat sokongan banyak daripada rakyat patut kekal.

Bagaimanapun, mereka yang merasakan mereka tidak lagi mendapat sokongan patutlah berundur bagi memberi peluang kepada muka baru, kata beliau.

"Sepatut dari sekarang, ahli veteran politik sudah bersedia untuk mendidik timbalan mereka yang pada satu hari akan mengambilalih," kata

beliau kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah-tanah Pusat Masyarakat Orang Buta Sarawak berharga RM3.3 juta di sini hari ini.

-- BERNAMA

FLL NN HK BK